

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT@ WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]**

SOALAN :

YB Tuan Wong Tien Fatt@Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan nisbah katil dan doktor kepada penduduk dari tahun 2005 hingga 2014 di setiap daerah di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sedang dalam usaha untuk meningkatkan nisbah bilangan katil di hospital Kerajaan dan swasta bagi setiap 1000 penduduk daripada 1.92 pada tahun 2012 kepada 2.5 menjelang tahun 2030.

Secara keseluruhannya pada tahun 2013, terdapat 24 buah hospital termasuk Institusi Perubatan Khas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di negeri Sabah dengan jumlah katil rasmi sebanyak 4,555 buah katil. Berdasarkan perangkaan penduduk yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk di Sabah pada tahun 2013 adalah 3.428 juta. Jumlah ini meliputi penduduk di 25 buah daerah yang terdapat di Sabah.

Namun begitu analisis nisbah katil kepada penduduk mengikut daerah di Sabah hanya boleh disediakan bagi katil di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sahaja berikutan tiada perincian maklumat katil hospital swasta mengikut daerah. Sehubungan itu, nisbah katil di hospital KKM kepada penduduk di negeri Sabah pada tahun 2013 adalah 1.3 katil bagi setiap 1,000 penduduk berbanding 1.2 katil yang dicatatkan pada tahun 2005. Pada tahun 2013, nisbah katil paling tinggi adalah daerah Beaufort iaitu 3.8 katil bagi setiap 1,000 penduduk, manakala nisbah yang paling rendah adalah daerah Kinabatangan iaitu 0.4 katil bagi setiap 1,000 penduduk.

Sementara itu, sehingga 31 Disember 2013, jumlah doktor yang berkhidmat di negeri Sabah adalah 2,778 orang. Jumlah ini meliputi doktor yang berkhidmat di sektor Kerajaan dan swasta.

Nisbah doktor kepada penduduk di negeri Sabah pada tahun 2013 adalah seorang doktor kepada 1,234 orang berbanding tahun 2005, iaitu seorang doktor kepada 2,485 orang. Analisis nisbah doktor kepada penduduk mengikut daerah tidak dapat disediakan kerana maklumat bilangan doktor adalah sehingga peringkat negeri sahaja.

Secara keseluruhan, jumlah doktor di Malaysia pada tahun 2013 adalah 46,916 orang meliputi sektor awam dan swasta. Nisbah doktor kepada penduduk Malaysia pada tahun 2013 adalah seorang doktor kepada 633 penduduk.

Dari segi nisbah bilangan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Negeri Sabah ini adalah bersamaan dengan nisbah 1 orang PPS bagi 4 katil

pesakit. Manakala nisbah di peringkat antarabangsa bagi negara maju adalah anggaran 1 orang PPS bagi 8 hingga 12 katil pesakit.

Sehingga 31 Disember 2014, bilangan Pegawai Perubatan yang berkhidmat dengan Kerajaan di Negeri Sabah adalah seramai 1,234 orang. Bilangan PPS atau 'houseman' di Negeri Sabah sehingga 31 Disember 2014 pula ialah 648 orang iaitu:

- 1) Hospital Queen Elizabeth: 389
- 2) Hospital Tawau: 128
- 3) Hospital Duchess of Kent, Sandakan: 131